

**SYARAT-SYARAT KELAYAKAN
PENGAMBILAN PEGAWAI KADET PENOLONG PENGUASA POLIS PERCUBAAN
BAGI TAHUN 2026**

1. Terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Mempunyai Kad Pintar berwarna '**Kuning**' sahaja.
3. Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya mempunyai Ijazah Sarjana Muda Kepujian atau sebanding dengannya, SERTA kepujian dalam **Bahasa Melayu DAN Inggeris** Peringkat 'O' atau IELTS (band 5) dan diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
4. Taraf Kelamin: Bagi lelaki dan wanita bujang dan berkahwin. Calon wanita TIDAK mengandungi sebarang kehamilan.
5. Pemohon hendaklah berumur di antara 18 hingga 35 tahun.
6. Memenuhi kelayakan tinggi badan dan lulus Indeks Jisim Tubuh (BMI) yang telah ditetapkan seperti berikut:-

Bagi Pegawai Kadet Penolong Penguasa Polis Percubaan

KELAYAKAN	UKURAN
Ketinggian	1.63 Meter (5 kaki 4 inci) bagi Lelaki 1.57 Meter (5 kaki 2 inci) bagi Wanita
Indeks Jisim Tubuh (BMI)	18.5 hingga 28 (Lulus)

7. Tidak buta warna.
8. Mestilah lulus ujian ketahanan Jasmani, Ujian Bertulis, Tapisan Keselamatan dan Pemeriksaan Kesihatan.

Latihan:-

Pemohon yang berjaya akan menjalani Latihan Asas Kepolisan tidak kurang dari **sembilan (9) bulan**.

Tempoh Percubaan:-

Pemohon yang berjaya dikehendaki menjalani tempoh percubaan tidak kurang tiga (3) tahun dan akan ditempatkan di pelbagai formasi Pasukan Polis Diraja Brunei sebelum ditetapkan menjadi Penolong Penguasa Polis.

Gaji dan Elaun:-

\$2,570.00 / \$2,630.00 / \$2,690.00 (tertakluk kepada kelulusan akademik)

TATACARA MENGHADAPKAN PERMOHONAN:-

1. Para pemohon hendaklah membuat pendaftaran melalui **secara dalam talian** ke Portal PSCR 2.0 (**PSC RECRUITMENT 2.0**) dan pemohon hendaklah menggunakan akaun e-Darussalam yang aktif. Sila rujuk panduan pengguna di www.recruitment.gov.bn atau Instagram rasmi **PSC.BN** dan jika ada sebarang permasalahan dalam melengkapkan profil **PSCR 2.0** bolehlah menghubungi khidmat bantu dalam talian melalui WhatsApp **+673-7371961 (semasa waktu bekerja)** bagi makluman lanjut.
2. Peringatan penting bagi para pemohon untuk kemaskini profil PSCR 2.0 dengan maklumat yang lengkap dan sahih. Jika didapati maklumat tidak benar tindakan akan diambil mengikut **kesalahan-kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Penggaj 83)**.
3. Para pemohon hendaklah memastikan **nombor telefon** dan **Emel** untuk dihubungi adalah tepat.
4. Setelah selesai membuat pendaftaran, para pemohon yang memenuhi syarat-syarat akan dimaklumkan melalui pesanan ringkas (**SMS**) untuk menghadiri pemeriksaan dan pengesahan kelulusan (**Surat pengiktirafan kelulusan adalah diperlukan**) serta penilaian jasmani BMI (Indeks Jisim Tubuh).
5. Para pemohon yang berkhidmat di Jabatan-Jabatan Kerajaan hendaklah menghadapkan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing.
6. Tarikh pengiklanan pembukaan secara dalam talian akan bermula pada **15 April 2026 hingga 06 Mei 2026**.
7. Bagi sebarang pertanyaan dan makluman lanjut, sila emel ke alamat cpu@police.gov.bn ataupun melalui talian **2459500 ext 725**.